



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

17 November 2020

## KENYATAAN MEDIA

1. Saya mewakili semua ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Datuk Hasbullah Osman yang meninggal dunia di Hospital Raub, petang semalam.
2. Walaupun dilantik sebagai Ahli PAC pada Khamis lalu (12 November 2020), namun komitmen tinggi Allahyarham terhadap Jawatankuasa ini amat jelas. Sebaik dilantik sebagai Ahli PAC pada hari Khamis, Allahyarham terus menghadiri mesyuarat yang berlangsung pada hari Khamis dan semalam.
3. Semua ahli PAC Parlimen berasa amat sedih dan terkejut apabila mendengar berita pemergian Allahyarham Datuk Hasbullah kira-kira jam 6.30 petang semalam.
4. Kami semua pasti akan merasa kehilangan Allahyarham dalam setiap mesyuarat PAC memandangkan beliau sentiasa memberikan input berguna dan aktif mengambil bahagian dalam setiap sesi ketika mesyuarat.
5. Malah, beliau juga tidak lokek untuk berkongsi pengalamannya yang pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit Menteri Dalam Negeri serta Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri.

6. Sebagai tanda penghormatan kepada Allahyarham Datuk Hasbullah, PAC Parlimen membuat keputusan untuk menangguhkan semua mesyuarat dan taklimat yang dijadualkan diadakan pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

YB Wong Kah Woh